

Pengaruh Bahasa Dialek dalam Filem

Mario Pei, seorang ahli linguistik dan penulis, mentakrifkan dialek sebagai variasi daripada satu bahasa tertentu yang dituturkan oleh sekumpulan pembicara dalam satu-satu masyarakat atau bahasa. Dialek mempunyai bentuk dan berlainan daripada bentuk bahasa baku, baik dari segi sebutan, pilihan kata, dan penggunaan kata tertentu.



Mario Pei, dialek untuk tujuan komunikasi

Utara dan dialek Kelantan. Namun demikian, dialek pelbagai loghat itu tidak menghalang siri ini untuk diterima oleh seluruh penonton di mana-mana. Disebabkan popularitinya, siri ini juga telah dipersembahkan dalam bentuk muzikal pada tahun 2006 serta diadunkan yang disiarkan secara mingguan dalam *Berita Minggu*.

kaitan dengan dialek atau bahasa daerah. Mario Pei seorang ahli linguistik dan penulis, mentakrifkan dialek sebagai variasi daripada satu bahasa tertentu yang dituturkan oleh sekumpulan pembicara dalam satu-satu masyarakat atau bahasa. Dialek mempunyai bentuk tertentu yang dituturkan dalam satu-satu masyarakat dan berlainan daripada bentuk bahasa baku dari segi sebutan, tatabahasa mahupun pilihan kata tertentu. Kelainan tersebut tidaklah besar untuk dianggap sebagai bahasa yang lain. Yang demikian, dapat dikatakan bahawa dituturkan oleh sekumpulan masyarakat dalam satu kawasan untuk tujuan komunikasi dalam kehidupan harian.

Malaysia negara yang unik dengan kepelbagaian bahasa dan budaya. Setiap negeri mempunyai dialek dan budaya tersendiri sekali gus memberikan kelebihan tersendiri di negara ini. Dalam dunia perfileman, dialek ini menjadikan pembikin filem mempunyai banyak idea untuk menghasilkan sebuah filem

yang bersifat dan berwajah Malaysia. Yang menariknya, antara dialek tempatan ini lebih sesuai digunakan dalam filem genre serius yang dapat dibanggakan dan diberikan penghormatan kerana filem tersebut boleh diketengahkan pada peringkat antarabangsa sebagai mewakili wajah Malaysia yang pelbagai dialek dan bahasa daerah.

Berbalik pada siri komedi *Pi Mai Pi Mai Tang Tu*, penggunaan dialek dalam komedi tersebut memainkan peranan penting dalam setiap watak kerana pelakon membawa kebudayaan negeri masing-masing. Menurut saradara, pelakon, dan pelawak, Sabri Yunus, kejayaan siri komedi *Pi Mai Pi Mai Tang Tu* didorong oleh latihan yang intensif, terutama dalam hal menjiwai watak agar disesuaikan dengan dialek, budaya dan tema yang diketengahkan secara berkesan. Hal ini dikatakan demikian kerana pelakon dalam *Pi Mai Pi Mai Tang Tu* datang dari pelbagai negeri dan bangsa. Beliau yang memegang watak Wan Ismail Golok dari Kelantan berkata, untuk menjayakan siri komedi itu, sebanyak 20 peratus adalah daripada haka lakonan, 20 peratus adalah hasil usaha pengarah, 20 peratus bantuan daripada skrip dan 40 peratus terhasil melalui latihan. Hal ini demikian kerana, mereka perlu mengambil aura keserasian dalam lakonan yang dipersembahkan secara spontan itu dengan dialek yang berbeza.

Para pelakon *Pi Mai Pi Mai Tang Tu* dianggap telah menjayakan peranan masing-masing dalam usaha

Bahasa bermaksud sistem lambang bunyi suara yang digunakan sebagai alat perhubungan dalam sesuatu kelompok manusia untuk melahirkan perasaan dan fikiran, kata yang disusun menurut tatabahasa dan digunakan oleh seseorang dalam percakapan atau tulisan. Selain itu, bahasa juga menjadi penanda untuk menunjukkan kelakuan yang baik atau sebaliknya melalui bahasa tubuh. Bahasa juga merupakan salah satu cara untuk berkomunikasi dengan pelbagai masyarakat, kaum dan juga pelbagai bangsa. Bahasa dilihat mampu mengangkat budaya seseorang apabila pertuturan bahasa itu diujarkan dengan menggunakan dialek negeri masing-masing.

Filem pula dapat diertikan sebagai hasil garapan pelbagai seni yang memaparkan cerita dan cerminan budaya masyarakat tertentu. Filem menjadi alat untuk memaparkan pemikiran dan cetusan perasaan pembikinya. Filem sebuah cerita tentang kehidupan yang tidak terbatas kepada manusia sahaja, sama ada cerita itu benar, khayalan ataupun cerita yang diubah suai atau dipadankan. Gabungan dan garapan bingkai, syot-syot dan jujuk menjadikan babak seterusnya membentuk teks atau cerita.

Apabila menelusuri bahasa dalam filem, pasti muncul pertanyaan, di manakah letaknya daya tarikan sesebuah filem atau drama? Adakah terletak pada bahasanya, pelakon atau jalan ceritanya? Tinjauan secara rambang menunjukkan bahawa pelakon dan jalan cerita yang menjadikan sesebuah drama atau filem itu menarik. Bahasa akan dinilai setelah usai menonton keseluruhan cerita.

Menurut pengkritik filem, A. Wahab Hamzah, bahasa bukanlah yang paling utama dalam sesebuah filem tetapi yang utamanya ialah pengaruh filem itu sendiri. Kejayaan sesebuah filem itu terletak pada kebijaksanaan pengarahnya, iaitu bagaimana mereka merangka dan menjadikan filem itu menarik dari segi jalan cerita dan pemilihan karakter pelakon. Pun begitu, pemilihan lokasi juga menjadi asbab sesebuah filem itu menarik dan berkualiti. Bahasa pada sesebuah filem hanyalah menjadi makna filem dan gambaran penceritaan. Visual adalah yang utama diikuti dialog, iaitu bahasa. Kebiasaannya bahasa mewakili konteks budaya yang dipegang oleh watak dalam filem.

Kehidupan begitu, bahasa dalam filem sebenarnya mempunyai kerabat bahasa yang tersendiri. Penggunaan bahasa dalam filem tidak akan sama seperti penggunaan bahasa secara rasmi yang harus menepati nahu bahasa Melayu baku atau susunan tatabahasa yang betul dan gramatis. Bahasa yang digunakan dalam filem kebiasaannya disesuaikan dengan watak sama ada warga tua, remaja ataupun kanak-kanak. Elemen bahasa

juga lazimnya disesuaikan dengan tema filem itu sendiri seperti contoh filem genre komedi. Kebiasaannya, filem genre komedi akan menggunakan bahasa yang lebih santai. Bahasanya juga haruslah mudah difahami dan membuatkan penonton terhibur dan bergelak ketawa apabila mendengar dialog yang diujarkan oleh pelakornya.

Bahasa tubuh juga menjadi salah satu unsur bahas dalam filem yang amat penting untuk menunjukkan sesuatu perilaku. Apabila menyebut bahasa tubuh dalam filem, pemikiran kita pasti terkait dengan filem senyap atau filem bisu. Filem senyap atau bisu ialah filem tanpa dialog dan kesan bunyi. Dalam filem bisu, pelakon berkomunikasi dengan bahasa badan dan mimik muka. Dalam pembikinan filem sebegini, visual menjadi elemen penting untuk menyampaikan maksud atau mesej kepada penonton. Filem *Jendela* arahan M. Subashyar dilayarkan selama 85 minit tanpa pengucapan dialog menjadi genre filem bisu pertama di Malaysia. Walau bagaimanapun, filem yang ditayangkan pada tahun 2015 ini masih asing dalam kalangan penonton Malays Barangkali penonton di Malaysia masih belum bersedia untuk disajikan dengan filem berformat begini. Namun setidaknya kewujudan filem *Jendela* mampu memberikan pendedahan awal terhadap karya sebegini.


Daripada kepelbagaian watak akan terpancarlah budaya sesuatu daerah atau negeri. Kejelasan budaya itu diperkuat melalui penggunaan dialek atau bahasa daerah mengikut lokasi pembikinan sesuatu drama atau filem. Jika lokasi penggambarannya di Langkawi, maka loghat Utara yang diujarkan oleh watak itu secara tidak langsung turut mengangkat budaya di lokasi tersebut. Jarang-jarang kita mendengar watak itu akan bertutur dalam loghat Negeri Sembilan tetapi lokasi pertuturan itu berlaku di Sabah. Hal yang sedemikian ini menunjukkan bahawa bahasa itu penting untuk menjadikan jalan cerita dan penceritaan dalam drama atau filem itu logik.

Selain itu, setiap watak akan mewakili segenap lapisan penonton seperti warga tua, muda dan juga kanak-kanak, dan setiap watak juga membawa perwatakan, budaya dan daerah masing-masing. Sebagai contoh, kita imbas kembali kepopularan siri komedi *Pi Mai Pi Mai Tang Tu* yang sehingga hari ini masih mempunyai peminatnya sendiri. Siri komedi yang tidak asing di telinga dan mata penonton Malaysia ini merupakan sebuah sitkom yang pernah disiarkan di TV3. Sitkom ini hasil cetusan idea Hatta Azad Khan yang memaparkan kisah kehidupan seharian penduduk yang tinggal di Flat Seri Wangi. Yang menariknya, dial yang diujarkan dalam siri komedi ini menggunakan pelbagai loghat atau dialek yang ada di Malaysia seper

Pelita Bahasa
Bil 6 (Jun 2018)

Arts & Literature Performance
Art.
Pg. 11-24

Mario Pei, seorang ahli linguistik dan penulis, mentakrifkan dialek sebagai variasi daripada satu bahasa tertentu yang dituturkan oleh sekumpulan penutur dalam satu-satu masyarakat bahasa. Dialek mempunyai bentuk tertentu yang dituturkan dalam kawasan tertentu dan berlainan daripada bentuk bahasa baku, baik dari segi sebutan, bahasa mahupun penggunaan kata tertentu.



Mario Pei, dialek untuk tujuan komunikasi.

yang bersifat dan berwajah Malaysia. Yang menariknya, antara dialek tempatan ini lebih sesuai digunakan dalam filem genre serius yang dapat dibanggakan dan diberikan penghormatan kerana filem tersebut boleh diketengahkan pada peringkat antarabangsa sebagai mewakili wajah Malaysia yang pelbagai dialek dan bahasa daerah.

¹Berbalik pada siri komedi *Pi Mai Pi Mai Tang Tu*, penggunaan dialek dalam komedi tersebut memainkan peranan penting dalam setiap watak kerana pelakon membawa kebudayaan negeri masing-masing. Menurut sutradara, pelakon, dan pelawak, Sabri Yunus, kejayaan siri komedi *Pi Mai Pi Mai Tang Tu* didorong oleh latihan yang intensif, terutama dalam hal menjiwai watak agar bersesuaian dengan dialek, budaya dan tema yang diketengahkan secara berlawak. Hal ini dikatakan demikian kerana pelakon dalam *Pi Mai Pi Mai Tang Tu* datang dari pelbagai negeri dan bangsa. Beliau yang memegang watak Wan Ismail Golok dari Kelantan berkata, untuk menjayakan siri komedi itu, sebanyak 20 peratus adalah daripada bakat lakonan, 20 peratus adalah hasil usaha pengarah, 20 peratus bantuan daripada skrip dan 40 peratus terhasil melalui latihan. Hal ini demikian kerana, mereka perlu mengambil aura keserasian dalam lakonan yang dipersembahkan secara spontan itu dengan ujaran dialek yang berbeza.

Para pelakon *Pi Mai Pi Mai Tang Tu* dianggap telah menjayakan peranan masing-masing dalam usaha

“

Penggunaan dialek sememangnya menjadikan sesuatu watak itu kelihatan menarik dan asli. Oleh sebab itu, dialek sering menjadi ikutan setelah sesuatu filem itu ditonton oleh khalayak. Hal ini dikatakan demikian kerana, dialek setiap negeri itu mempunyai daya tarikan yang tersendiri.

”

mengangkat budaya dan semangat kenegerian masing-masing supaya terkesan di hati penonton kerana setiap watak yang dibawa mewakili setiap kelompok rakyat Malaysia yang berbagai-bagai keturunan, bangsa dan budaya. Oleh itu, apabila menonton *Pi Mai Pi Mai Tang Tu* secara tidak langsung, penonton akan dapat memahami dan mempelajari setiap budaya negeri yang berlainan.

Berkaitan dengan sesuatu bahasa yang kreatif dalam filem, hal yang sedemikian ini dapat dilihat pada penggunaan laras bahasa, konteks bahasa, ketepatan sesuatu bahasa dengan tema filem, tempat dan persekitaran, serta alam sekeliling. Turut diakui bahawa bahasa atau dialog yang menjadi tular atau yang menjadi ikutan dan sebutan setelah sesebuah filem itu ditayangkan dianggap sebagai kayu ukur kejayaan buat pengarah filem kerana berjaya melahirkan “pengikut” tersendiri. Namun demikian, elemen sebenar yang memberikan kesan terhadap penonton termasuklah pemilihan dialog dan dialek selaras dengan bahasa sinematografi, iaitu sesuatu babak atau adegan, latar tempat dan lokasi penggambaran. Penggunaan loghat atau dialek juga seharusnya dijadikan titik utama untuk memberikan gambaran realiti sesuatu lokasi itu. Sebagai contohnya, filem *Mami Jarum* pada tahun 2002, banyak menggunakan loghat Utara dan lokasinya dilihat memang bertepatan sekali gus berjaya mengangkat budaya kelompok masyarakat anak mami yang tinggal di Pulau Pinang

Filem *Mami Jarum* arahan Dato’ Prof. Dr. A Razak Mohaideen berjaya mempopularkan dialek Utara,

terutama Pulau Pinang. Dialek yang menonjolkan keturunan India – Muslim yang dikenali sebagai “Mamak” atau “Mami”. Pertuturan dialek yang berira disertakan dengan gaya dan bahasa tubuh tersendiri menjadikan dialek itu popular dan diperkatakan oleh peminat filem tempatan pada masa itu. Dialek itu menghidupkan budaya dan loghat negeri Pulau Pinang melalui watak yang dilakonkan. Filem ini juga menampilkan barisan pelakon yang memang berasal Utara, seperti Rita Rudaini, Kartina Aziz dan Ezad Laz

Jika filem *Mami Jarum* mempopularkan dialek Utara filem *Hantu Kak Limah Balik Rumah* yang mempunyai banyak peminat tersendiri dengan aksi jenaka, sedih dan seram pula menyetengahkan dialek negeri Perak Walaupun genrenya komedi seram, filem arahan Mar Khalid ini mempunyai tarikan unik menerusi gaya penceritaan, perwatakan dan dialek yang digunakan Filem ini dianggap bijak mengkritik masyarakat secara santai tanpa perlu menyinggung hati mana-mana pih Penggunaan dialek Perak yang “pekat” oleh sebahag besar pelakornya berjaya menjadikan beberapa bait dialog dalam filem itu malar segar dan disebut-sebut oleh peminat. Sebagai contohnya, dialog “kita bako jele” yang sering diucapkan oleh pelakon Usop Wilcha. Filem ini juga dianggap berjaya mempopularkan dialek Perak yang kedengaran “kelakar” tetapi serius. Beberapa filem Mamat Khalid selepas itu teru menggunakan dialek Perak dalam ujaran dialog seke gus menjadikannya sebagai dialek paling popular dan drama dan filem setakat ini.

Penggunaan dialek sememangnya menjadikan sesuatu watak itu kelihatan menarik dan asli. Oleh sebab itu, dialek sering menjadi ikutan setelah sesuatu filem itu ditonton oleh khalayak. Hal ini dikatakan demikian kerana, dialek setiap negeri itu mempunyai daya tarikan yang tersendiri. Bahasa berbentuk dialek bul sahaja menghidupkan watak, malahan menghidupkan tempat yang menjadi lokasi penggambaran sesebuah filem. Apabila bahasa dalam filem diseraskan dengan lokasi penggambaran, maka penonton dapat menjij gambaran sebenar kehidupan yang dipaparkan dalam filem tersebut.

Sementelahan itu, penggunaan dialek dalam filem pada masa ini jauh lebih baik daripada bahasa rojak dan slanga. Dialek bukan sahaja mampu mengangkat sesebuah daerah, malah dengan filem bercorak sedemikian secara tidak langsung dapat memperkenalkan dialek berkenaan kepada penonton. Oleh itu, melalui penonjolan dialek dalam filem, secara tidak langsung memamparkan kekayaan bahasa ke khalayak penonton seterusnya cakna terhadap dialek dan bahasa daerah di negara ini. ²³